

**PERNYATAAN PENTING UNTUK
PERSIDANGAN PEMBAURAN HARI KESYUKURAN 2025**

**Apa yang kita perlukan hari ini
ialah visi yang terkini, seketika itu, dan hidup
tentang Kristus syurgawi sebagai bintang hidup.**

**Imanuel praktikal ialah Roh realiti
sebagai hadirat Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dalam roh kita;
hadirat-Nya sentiasa bersama dengan kita dalam roh kita,
bukan hanya hari demi hari, malah saat demi saat.**

**Wahi yang paling jelas tentang Trinitas Divin
terdapat dalam Matius 28:19:
“Oleh itu, pergi dan disipalkanlah semua bangsa,
baptislah mereka ke dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus.”**

**Dalam alam semesta terdapat dua prinsip besar—
autoriti Tuhan dan pemberontakan Syaitan;
satu-satunya kontroversi antara Tuhan dengan Syaitan
adalah berkenaan autoriti.**

**Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Pembauran Hari Kesyukuran
27-30 November 2025**

**SUBJEK AM:
KRISTUS ALMUHIT YANG DIWAHIKAN DALAM MATIUS**

Mesej Satu

**Visi yang Terkini, Seketika Itu, dan Hidup
tentang Kristus Syurgawi sebagai Bintang Hidup**

Bacaan Bible: Mat. 2:1-12; Bil. 24:17; Kej. 1:14-19; Dan. 12:3;
Wahi 1:16, 20; 2:1, 28; 3:1; 22:16; 2 Ptr. 1:19; Kej. 22:17; Yud. 12-13

- I. Selepas Yesus dilahirkan di Betlehem, ahli majus dari timur tiba di Yerusalem, berkata, “Di manakah Dia yang telah dilahirkan sebagai Raja orang Yahudi? Kerana kami nampak bintang-Nya ketika terbit dan datang menyembah-Nya” (Mat. 2:2); ini merupakan penggenapan bagi Bilangan 24:17 yang berkata, “Akan keluarnya Bintang daripada Yakub”; Bintang ini merujuk kepada Kristus:**
- A. Ahli majus bukan berkata, “Kami nampak *suatu* bintang”, atau “Kami nampak bintang *itu*”, tetapi “Kami nampak bintang-Nya”; Bintang itu ialah Kristus syurgawi.
 - B. Bintang yang dibicarakan dalam Matius 2:2 ditunjukkan kepada orang yang terpelajar ini; bintang itu tidak muncul kepada mana-mana orang Israel; walaupun orang Yahudi mempunyai Kitab berkenaan Kristus dan mengetahui di mana Dia akan dilahirkan (ay. 4-6), namun ahli majus nampak bintang Kristus.
 - C. Orang Yahudi mempunyai pengetahuan dalam huruf berkenaan tempat Kristus akan dilahirkan (Mi. 5:2), tetapi orang yang terpelajar dari timur ini menerima visi yang hidup tentang-Nya; akhirnya, bintang itu membawa mereka ke tempat Kristus berada (Mat. 2:1-12).
 - D. Kristus ialah Suria sebenar (Mal. 4:2), namun secara tegasnya Dia tidak muncul sebagai suria pada zaman yang merupakan waktu malam; sebaliknya, Dia bersinar sebagai bintang (Wahi 2:28); bintang bersinar pada waktu malam, tetapi juga menandakan bahawa hari siang akan tiba (Roma 13:11-14).
 - E. Semasa Kristus datang buat kali pertama, Dia muncul secara terbuka sebagai bintang, tetapi apabila Dia datang buat kali kedua, Dia merupakan bintang fajar (Wahi 2:28; 22:16) kepada pejayeng-Nya yang menantikan kedatangan-Nya; kepada semua yang lain pula, Dia akan muncul kemudian sebagai suria (Mal. 4:2; bd. Mat. 13:43).
- II. Matius 2:1-12 mewahikan bahawa mencari Kristus merupakan perkara yang hidup; ini bukan sekadar pengetahuan doktrin berkenaan Bible:**
- A. Bintang itu muncul di tempat yang jauh dari bait di Tanah Kudus, jauh dari pusat agama Yahudi, jauh daripada hentar, katib, orang Farisi, dan semua orang yang agamawi; sebaliknya, munculnya bintang yang menunjukkan sesuatu tentang Kristus di tanah bangsa asing.
 - B. Sekadar memegang Bible di tangan kita dan membaca Mikha 5:2 yang mengatakan bahawa Kristus akan dilahirkan di Betlehem adalah tidak berkesan; kita mungkin mempunyai Bible, tetapi kita mungkin kehilangan bintang syurgawi.
 - C. Bintang itu ialah wahi yang hidup, visi yang hidup, bukan pengetahuan doktrin yang lama dan mati tentang Kitab, bukan pengetahuan yang mati tentang Mikha 5:2; apa yang kita perlukan hari ini bukan sekadar pengetahuan Bible tetapi visi syurgawi, visi yang terkini, seketika itu, visi yang hidup, visi yang tidak dapat diajar oleh konsep manusia.
 - D. Sekalipun kita mempunyai pengetahuan Kitab, kita masih memerlukan bintang

hidup yang seketika itu dan terkini, untuk memimpin kita betul-betul ke jalan dan rumah tempat Yesus berada.

- E. Selepas menerima visi hidup itu, ahli majus tersimpang oleh konsep insani mereka lalu pergi ke Yerusalem, yakni ibu kota bangsa Yahudi, dengan anggapan bahawa raja orang Yahudi berada di situ; penyimpangan mereka telah mengakibatkan banyak budak lelaki dibunuh—Mat. 2:16.
- F. Apabila mereka tiba di Yerusalem dan bertanya tentang tempat Raja orang Yahudi akan dilahirkan, Bible mengatakan bahawa “apabila mendengar hal ini, Raja Herodes terganggu, dan seluruh Yerusalem turut bersama dengannya”—ay. 3:
 - 1. Apabila mereka mendengar khabar ini, mereka seharusnya bergirang; sebaliknya, mereka terganggu; ini sudah tentu disebabkan mereka bukan benar-benar mencari Penyelamat—bd. Ams. 4:23.
 - 2. Jika seseorang percaya kepada Tuan tetapi dia tidak dipengaruhi oleh Tuan yang merupakan kasih dalam emosi dalamannya, maka dia tidak layak digelar sebagai orang Kristian—2 Tim. 4:8; Mrk. 12:30; 1 Kor. 2:9.
 - 3. Orang Kristian yang mengharapkan kedatangan Tuan atau yang berharap dapat diraptur harus mengambil hal ini sebagai amaran—2 Tim. 4:8; Tit. 2:13; Wahi 2:28; 22:20; Mat. 24:40-44; 25:8-13.
- G. Setelah ahli majus dibetulkan oleh Kitab (2:4-6), mereka pergi ke Betlehem (ay. 8-9), dan bintang itu muncul kepada mereka sekali lagi dan membawa mereka ke tempat Kristus berada, dan “apabila melihat bintang itu, mereka pun girang dengan keriangian besar” (ay. 10):
 - 1. Setelah ahli majus dibetulkan oleh Kitab dan kembali ke jalan yang betul, bintang itu muncul kepada mereka sekali lagi; visi yang hidup sentiasa seiring dengan Kitab.
 - 2. Hentar ialah orang yang mengajarkan hukum (Mal. 2:7) kepada umat, dan katib ialah orang yang mengetahui Kitab (Ezra 7:6); hentar dan katib mempunyai pengetahuan tentang kelahiran Kristus (Mat. 2:5-6), tetapi mereka tidak melihat visi dan tidak mempunyai hati untuk mencari Kristus seperti ahli majus dari timur.
 - 3. Tidak kira betapa banyaknya kita adalah “menurut Kitab”, jika kita kehilangan hadirat Tuan, kita sama sekali salah; cara Wasiat Baru untuk mencari dan mengikut Tuan ialah terus-menerus berada dalam hadirat-Nya yang tersembunyi—Yoh. 5:39-40; Yes. 45:15; Kel. 33:11, 14; bd. 2 Kor. 5:16.
 - 4. Memang mudah untuk mengumpulkan pengetahuan Kitab, namun jika kita ingin beroleh bimbingan yang hidup, kita harus hidup dalam hubungan yang intim dengan Tuan; kita harus bersatu dengan-Nya—Mat. 2:10-14.
 - 5. Ahli majus melihat Kristus lalu mereka menyembah-Nya; kemudian mereka diperingatkan Tuhan dalam mimpi agar jangan kembali kepada Herodes, maka mereka beredar ke negeri sendiri “melalui jalan lain” (ay. 12); sebaik sahaja kita melihat Kristus, kita pasti tidak akan mengambil jalan yang sama, iaitu jalan keagamaan yang tidak ada Kristus, tetapi kita akan sentiasa mengambil jalan lain.

III. Pengikut Kristus yang setia ialah bintang-bintang yang bersinar dan hidup, iaitu orang yang mengikut Kristus sebagai bintang yang bersinar dan hidup itu untuk menjadi duplikasi-Nya—Dan. 12:3; bd. Kej. 22:17:

- A. Bintang-bintang hidup mengikut visi Kristus yang syurgawi, hidup, terkini, dan seketika itu, yang merupakan sentraliti dan universaliti ekonomi Tuhan—Kis. 26:16-18; Kol. 1:17b, 18b.
- B. Bintang-bintang hidup ialah orang yang memberkati umat Tuhan; semakin kita memuji Tuan atas umat Tuhan dan membicarakan hal-hal yang baik tentang mereka dalam iktikad, semakin kita meletakkan diri kita di bawah berkat Tuhan—Bil. 24:9; Kej. 12:2-3; 22:17.

- C. Bintang-bintang hidup memberi perhatian kepada kata penyabda dalam Kitab “seperti kepada pelita yang bersinar di tempat gelap” supaya Kristus yang merupakan bintang fajar akan terbit dalam hati mereka hari demi hari; jika kita memberi perhatian kepada sabda dalam Bible, Dia akan terbit dalam hati kita untuk bersinar dalam kegelapan kemurtadan di tempat kita berada hari ini, sebelum penampilan-Nya yang sebenar sebagai bintang fajar—2 Ptr. 1:19; Yoh. 6:63; Wahi 2:28; 22:16; 2 Tim. 4:8:
1. Menurut prinsip bintang fajar, seorang Kristian harus bangun awal kerana awal pagi merupakan masa terbaik untuk bertemu dengan Tuan (untuk berse-kutu dengan Tuhan, memuji dan menyanyi, mendoa-baca Bible disertai sabda ministri, dan berdoa kepada Tuan)—Kid. 7:12; Mzm. 5:1-3; 57:8-9; 59:16-17; 63:1-8; 90:14; 92:1-2; 108:2-3; 143:8; Kel. 16:21.
 2. Tuan akan memberi diri-Nya sebagai bintang fajar secara tersembunyi ke-pada orang yang mengasihi-Nya dan yang berjaga-jaga serta menantikan-Nya supaya mereka dapat mengecap kesegaran hadirat-Nya ketika Dia kembali selepas ketiadaan-Nya yang sekian lama—1 Tes. 5:6; Wahi 2:28; 3:2-3; 16:15.
- D. Bintang-bintang hidup menikmati dan dipenuhi Roh yang diperhebat tujuh kali ganda untuk menjadikan mereka amat hidup dan bersinar dengan amat terang demi pembinaan Tuhan—3:1; 4:5; 5:6.
- E. Bintang-bintang hidup ialah utusan gereja-gereja, iaitu orang yang menikmati dan mengalami Kristus pneumatik sebagai Utusan Tuhan dan sebagai mesej segar daripada Tuhan supaya mereka dapat mendispenkan Kristus yang segar dan terkini ke dalam umat Tuhan demi kesaksian Yesus—1:16, 20; 2:1; Mal. 3:1-3.
- F. Bintang-bintang hidup mempunyai “hati yang berkeazaman besar” dan “hati yang mencari ikhtiar besar”; mereka ialah pencinta Tuhan yang seperti “bintang-bintang...dari laluannya” untuk berperang bersama dengan Tuhan menentang musuh-Nya supaya mereka dapat menjadi “seperti matahari / Apabila matahari terbit dalam keperkasaannya” dan menjadi orang yang “bersinar seperti matahari dalam kingdom Bapa mereka”—Hak. 5:15-16, 20, 31; Dan. 11:32; Mat. 13:43.
- G. Bintang-bintang hidup ialah orang yang bertakwa kepada Yehova dan mendengar suara hamba-Nya, menaruh keyakinan kepada Yehova supaya mereka beroleh cahaya ketika berjalan dalam kegelapan—Yes. 50:10-11; Mzm. 139:7-12, 23-24:
1. Orang yang membuat cahaya untuk diri sendiri dan berjalan dalam cahaya buatan sendiri dan bukannya dalam cahaya Tuhan akan menderitai seksaan—Yes. 50:11.
 2. Ini seharusnya menjadi amaran kepada kita agar kita berjalan dalam cahaya yang diberi Tuhan, bukan dalam cahaya yang kita buat untuk diri sendiri; “Marilah kita berjalan dalam cahaya Yehova”—2:5.
- H. Bintang-bintang hidup ditamsilkan oleh bintang yang didirikan pada hari ke-empat dalam restorasi Tuhan berserta penciptaan-Nya yang selanjutnya; di sini bintang-bintang memerintah melalui penyinaran; di mana ada penyinaran, di situlah pemerintahan demi pertumbuhan hayat—Kej. 1:14-19:
1. Penyinaran Tuan Yesus di Gunung Transfigurasi ialah kedatangan kingdom dalam kudrat; penyinaran ini sebenarnya ialah hadirat pemerintahan Tuhan Tritunggal—Mat. 17:1-8; Mrk. 9:1-8.
 2. Kingdom Tuhan, yang merupakan pemerintahan Tuhan, yakni pemerajaan Tuhan, berserta segala berkat dan kenikmatannya, ialah penyinaran Tuan Yesus dan penyebaran Tuan Yesus dengan menyinari kita.
 3. Kingdom ialah penyinaran realiti Tuan Yesus; setiap kali Dia menyinari kita dan kita berada di bawah penyinaran, kita berada dalam kingdom di bawah pemerintahan dan pemerajaan Tuhan dalam kita untuk pertumbuhan hayat kita.

- I. Dari segi negatif, terdapatnya orang yang merupakan “bintang yang mengembara”—Yud. 12-13:
1. Metafora tentang bintang yang mengembara menunjukkan bahawa pengajar-pengajar yang tidak menentu, orang yang murtad, tidak dimantapkan dengan kukuh dalam kebenaran-kebenaran wahi syurgawi yang tidak berubah, sebaliknya mereka mengembara dalam kalangan umat Tuhan yang seperti bintang.
 2. Orang yang murtad yang tidak menentu itu ialah bintang yang mengembara hari ini, tetapi akhirnya mereka akan dipenjarakan dalam kekelaman yang gelap, yang disimpan untuk mereka hingga keabadian.
 3. Sesiapa yang tidak mengajar bahawa gereja-gereja lokal bukan matlamat ekonomi Tuhan tetapi prosedur untuk mencapai matlamat realiti Tubuh Kristus, tidak sepadan dengan keperluan ministri Tuhan pada zaman sekarang; sesiapa yang menghalang kita daripada pembauran gereja-gereja demi realiti Tubuh Kristus merupakan bintang yang mengembara; bintang-bintang yang benar ialah orang yang memalingkan banyak orang kepada keadilan, orang yang tidak menyesatkan orang tetapi memalingkan mereka ke jalan yang betul.
 4. Hari ini Bintang hidup itu dan bintang-bintang hidup tidak jauh dari kita—mereka berada dalam dan bersama dengan gereja-gereja lokal sebagai ekspresi Tubuh Kristus yang praktikal (Wahi 1:11, 20); dalam kalangan gereja lokal terdapat sebilangan bintang hidup; kita hanya perlu menghubungi mereka dan bergaul dengan mereka; mereka akan memimpin kita ke tempat Yesus berada.
- J. Semoga Tuan merahmati kita agar kita sentiasa dipelihara di jalan yang betul untuk bertemu dengan Tuan, menyembah-Nya, dan mempersembahkan kasih kita kepada-Nya; semoga Tuan menjadikan kita semua seperti ahli majus, yang mengikut bintang hidup untuk mencari dan menemukan sesuatu yang baru berkenaan Kristus agar kita menjadi duplikasi-Nya sebagai bintang-bintang hidup—bd. Ef. 5:8-9; Yer. 15:16a.

Mesej Dua

Kristus Ialah Tabib dan Pengantin Lelaki

Bacaan Bible: Mat. 9:10-13, 15; Wahi 19:7-9

I. Injil Matius mewahikan bahawa Kristus berlawanan dengan agama, dan hal-hal berkenaan Kristus adalah di luar agama:

- A. Kelahiran Kristus, perihal mencari Kristus, memperkenalkan Kristus, dan mengikut Kristus semuanya adalah di luar agama—1:18-23; 2:1-12; 3:1-12; 4:12-22.
- B. Apa-apa sahaja pemikiran ingin melakukan hal secara mukjizat dalam agama merupakan godaan iblis—ay. 5-7.
- C. Sebagai Tabib dan Pengantin Lelaki, Kristus berlawanan dengan agama—9:12, 15.
- D. Tuan Yesus tidak mepedulikan tradisi keagamaan; Dia mengambil berat tentang realiti dalaman—15:1-20.

II. Matius 9:10-13 menunjukkan bahawa kita dapat mengalami dan menikmati Kristus sebagai Tabib:

- A. Semasa memanggil orang mengikut-Nya untuk kingdom, Tuan Yesus meminister sebagai Tabib, bukan sebagai Hakim.
- B. Penghakiman seorang hakim adalah menurut keadilan, manakala penyembuhan seorang tabib adalah menurut rahmat dan kurnia.
- C. Kristus datang untuk meminister sebagai Tabib, untuk menyembuhkan, memulihkan, menghidupkan, dan menyelamatkan kita supaya kita dapat dikonstitusikan semula menjadi warganegara-Nya yang baru dan surgawi; dengan mereka ini Dia dapat menubuhkan kingdom surgawi-Nya di bumi yang korup ini.
- D. “Pergi dan pelajarilah makna ini, ‘Aku menghasratkan rahmat dan bukannya korban sembelihan’”—ay. 13:
 - 1. Tuan Yesus menyembuhkan penyakit rohani kita, iaitu penyakit dosa.
 - 2. Di antara dosa dan maut terdapatnya pelbagai jenis penyakit dan kelemahan.
 - 3. Tuan Yesus mengampunkan dosa-dosa kita dan juga menyembuhkan kita dari setiap segi.
 - 4. Sebagai pendosa, kita benar-benar jatuh sakit, kerana kita sakit dari segi jasmani, rohani, moral, dan mental; namun Yesus yang merupakan Pengampun dan Tabib, berupaya menyembuhkan segala penyakit kita.
 - 5. Sebagai Tabib kita, Tuan menyembuhkan kita terutamanya dalam roh kita dan sukma kita, bukan terutamanya dalam tubuh kita.
 - 6. Sungguhpun Tuan mungkin menyembuhkan atau mungkin tidak menyembuhkan tubuh kita, namun Dia sentiasa bersedia untuk menyembuhkan setiap bahagian roh dan sukma kita.
 - 7. Tuan sebagai Tabib kita terutamanya bukan menyembuhkan kita dari segi tubuh jasmani tetapi dari segi rohani; Dialah yang menyembuhkan penyakit rohani kita.
- E. Pengalaman Paulus dalam peringkat akhir ministrinya membantu kita mempunyai penghargaan yang wajar terhadap Kristus sebagai Tabib percayawan:
 - 1. Dalam 2 Timotius 4:20b Paulus berkata, “Trofimius yang sakit itu aku tinggalkan di Miletus.”
 - 2. Dutus Paulus membiarkan seorang yang begitu rapat dalam keadaan sakit tanpa berdoa agar dia disembuhkan.
 - 3. Paulus juga tidak menggunakan kurniaan penyembuhannya (Kis. 19:11-12) untuk menyembuhkan Timotius daripada penyakit perutnya; sebaliknya, Paulus menyuruh dia menggunakan cara penyembuhan yang semula jadi (1 Tim. 5:23).
 - 4. Paulus menggalakkan Timotius agar minum sedikit wain, dan dia meninggalkan Trofimius di Miletus.

5. Paulus menjaga rakan sekerjanya dengan cara yang amat insani.
 6. Paulus menjaga mereka dengan cara ini kerana pada masa penderitaan, Paulus dan rakan-rakan sekerjanya berada di bawah disiplin hayat dalaman dan bukan di bawah kudrat kurniaan luaran.
 7. Yang pertama itu berkenaan kurnia dalam hayat; yang terkemudian pula adalah berkenaan kurniaan dalam kudrat—kudrat bersifat mukjizat.
 8. Pengalaman Paulus seharusnya membantu kita melihat bahawa kebanyakan penyembuhan Kristus hari ini adalah untuk roh dan sukma.
 9. Jika kita melihat visi ini, kita akan menaruh keyakinan kepada Kristus dan mengalami Dia sebagai Tabib kita.
- F. Sebagai Tabib kita, Kristus mempunyai autoriti penyembuhan:
1. Penyembuhan-Nya bukan sahaja perihal kudrat malah perihal autoriti.
 2. Dia tidak perlu menyentuh kita secara terus untuk menyembuhkan kita.
 3. Dia hanya perlu mengucapkan sepatah kata, lalu autoriti-Nya datang bersama dengan sabda-Nya untuk menyembuhkan kita—Mat. 8:8.
 4. Tabib kita menyembuhkan kita dengan autoriti-Nya.

III. Dalam Matius dan Wahi, Kristus diwahikan sebagai Pengantin Lelaki—Mat. 9:15; Wahi 19:7-9:

- A. Matius 25:1 ialah kata-kata yang selanjutnya tentang Tuan Yesus sebagai Pengantin Lelaki:
1. Ayat ini mewahikan bahawa Tuan akan kembali sebagai Pengantin Lelaki, sebagai persona yang paling menyenangkan dan menarik.
 2. Bible mewahikan bahawa Kristus ialah Tuhan yang terjasad untuk memperoleh pengantin perempuan.
 3. Oleh itu, status Kristus ialah Pengantin Lelaki.
 4. Sebagai Pengantin Lelaki, Dia ialah persona yang menyenangkan untuk kita nikmati.
 5. Kita harus menghargai Kristus bukan sahaja sebagai Tabib kita untuk pemulihan hayat malah juga sebagai Pengantin Lelaki kita untuk kenikmatan yang hidup dalam hadirat-Nya.
- B. Wahi 19:7-9 menyingkapkan Kristus sebagai Pengantin Lelaki:
1. Ayat-ayat ini mewahikan bahawa Tuan Yesus ialah Anak Domba yang merupakan Pengantin Lelaki.
 2. Kristus dipersembahkan sebagai Anak Domba dan Pengantin Lelaki.
 3. Dalam Injil Yohanes, Kristus diwahikan sebagai Anak Domba yang datang menghapuskan dosa dan juga sebagai Pengantin Lelaki yang datang agar Dia dapat memperoleh pengantin perempuan.
 4. Anak Domba adalah untuk penebusan, dan Pengantin Lelaki adalah untuk perkahwinan.
 5. Penebusan telah disempurnakan oleh Kristus yang merupakan Anak Domba Tuhan, perkahwinan pula akan berlangsung apabila Kristus yang merupakan Pengantin Lelaki yang akan datang itu berkahwin dengan pengantin-Nya.
 6. Sebagai Pengantin Lelaki, sudah tentu Kristus harus mengadakan perkahwinan; kedudukan kita ialah pengantin perempuan, dan kedudukan Kristus yang akan datang ialah Pengantin Lelaki.
 7. Kita berada di bumi untuk dipersiapkan menjadi pengantin perempuan untuk bertemu dengan-Nya; Dia berada di atas takhta di syurga ketiga, bersiap sedia untuk datang sebagai Pengantin Lelaki untuk bertemu dengan kita.
 8. Dia datang sebagai Pengantin Lelaki, dan kita pergi sebagai pengantin perempuan—Mat. 25:1.

Mesej Tiga

Yesus—Nama Raja Penyelamat yang Diberikan Tuhan dan Imanuel—Nama Raja Penyelamat yang Dipanggil Orang

Bacaan Bible: Mat. 1:21, 23; 18:20; 28:20

- I. “Dia akan melahirkan seorang anak lelaki, dan hendaklah kamu memanggil nama-Nya Yesus, kerana Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya daripada dosa-dosa mereka”—Mat. 1:21:**
- A. *Yesus* ialah nama Yunani yang sama dengan nama Ibrani *Yosua* yang bermakna “Yehova Penyelamat”, atau “penyelamatan Yehova”; Yesus ialah Yehova yang menjadi Penyelamat dan penyelamatan kita—Roma 10:12-13; 5:10; bd. Flp. 1:19.
- B. Nama Yesus merangkumi nama Yehova yang bermakna “Akulah Aku Adalah”, menunjukkan bahawa Yehova ialah Dia yang abadi yang swawujud dan kekal-wujud, yakni Dia yang ada dahulu, Dia yang ada sekarang, dan Dia yang ada pada masa akan datang buat selama-lamanya—Kel. 3:14; Wahi 1:4:
1. Yehova ialah Satu-satunya yang adalah dan tidak bergantung pada apa-apa selain diri-Nya; kita harus melatih roh iktikad kita untuk percaya bahawa “Dia adalah” dan kita “bukan”; Dia ialah Yang satu-satunya, Yang unik itu, dalam segala sesuatu, dan kita bukan apa-apa—Ibr. 11:6.
 2. Sebagai Aku adalah, Dia ialah Yang almuhit, iaitu realiti bagi setiap hal positif dan segala yang diperlukan umat-Nya—Yoh. 6:35; 8:12; 10:14; 11:25; 14:6.
 3. Kita boleh mengatakan bahawa kita percayawan mempunyai sekeping cek yang bertandatangan dengan ruang jumlah yang dibiarkan kosong, dan kita boleh mengisi apa jua yang kita perlukan; apa jua yang kita perlukan Yesus adalah; Dialah cahaya, hayat, kudrat, kearifan, kekudusan, atau keadilbenaran; segala-gala yang kita perlukan didapati dalam nama Yesus.
- C. Yesus ialah Yosua kita, yakni Dia yang membawa kita masuk ke dalam rehat; rehat itu ialah diri-Nya sebagai tanah permai kita—Ibr. 4:8; Mat. 11:28-29.
- D. Nama Tuan, persona-Nya, ialah Roh almuhit yang majmuk—Kid. 1:3; Kel. 30:23-30; Flp. 1:19.
- E. Nama Yesus mengatasi setiap nama—2:9-10:
1. Nama Yesus adalah untuk kita percaya ke dalamnya—Yoh. 1:12.
 2. Nama Yesus adalah untuk kita dibaptis ke dalamnya—Kis. 8:16; 19:5.
 3. Nama Yesus membolehkan kita diselamatkan—4:12.
 4. Nama Yesus membolehkan kita disembuhkan—3:6; 4:10.
 5. Nama Yesus membolehkan kita dibasuh, dikuduskan, dan dijustifikasikan—1 Kor. 6:11.
 6. Nama Yesus adalah untuk kita seru—Roma 10:13; 1 Kor. 1:2; Kis. 9:14; Kej. 4:26.
 7. Roh itu ialah udara syurgawi untuk kita hirup; apabila kita melatih roh dengan menyeru nama Tuan, kita menghirup Roh itu dan dengan itu menerima Roh itu—Yoh. 20:22; Gal. 3:2; 1 Tes. 5:17; Rat. 3:55-56; *Kidung*, #210.
- F. Tujuan menyeru nama Tuan adalah untuk:
1. Diselamatkan—Roma 10:13.
 2. Dibebaskan daripada kesesakan, kesusahan, kedukaan, dan keperitan—Mzm. 18:6; 118:5; 86:7; 50:15; 81:7; 116:3-4.
 3. Berbahagian dalam keihisan kasih Tuan, rahmat-Nya—86:5.
 4. Berbahagian dalam penyelamatan Tuan—116:2, 4, 13, 17.
 5. Menerima Roh itu—Kis. 2:17, 21.
 6. Minum minuman rohani dan makan makanan rohani agar dipuaskan—Yes. 55:1-2, 6.

7. Menikmati kekayaan Tuan—Roma 10:12; 1 Kor. 12:3b; Ul. 4:7; Mzm. 145:18.
 8. Membangkitkan diri kita—Yes. 64:7.
 9. Nama Yesus adalah untuk kita berdoa dalamnya—Yoh. 14:13-14; 15:16; 16:24.
 10. Nama Yesus adalah untuk kita dihimpunkan ke dalamnya—Mat. 18:20.
 11. Nama Yesus adalah untuk kita mengusir demon—Kis. 16:18.
 12. Nama Yesus adalah untuk kita berbicara dengan berani dalamnya—9:27.
- G. Syaitan benci akan nama Yesus:
1. Syaitan mempergunakan manusia untuk menyerang nama Yesus—bd. 26:9.
 2. Orang agamawi menyerang nama Yesus, melarang percayawan memberitakan injil atau mengajar dalam nama itu—4:17-18; 5:40.
 3. Ketika para dutus ditindas, mereka bergirang kerana mereka dikira layak dihina bagi pihak nama Yesus—ay. 41; 15:26.
- H. Tuan Yesus memuji para pejayeng di Filadelfia kerana mereka tidak menyangkal nama-Nya—Wahi 3:8:
1. Gereja yang dipulihkan telah meninggalkan semua nama lain selain nama Tuan Yesus Kristus, dan menjadi kepunyaan Tuan sepenuhnya.
 2. Menamakan gereja dengan mengambil nama lain selain nama Tuan merupakan pekendakan rohani; gereja, yang merupakan perawan suci yang telah ditunangkan kepada Kristus (2 Kor. 11:2), tidak harus mempunyai nama lain selain nama Suaminya.

II. **“Lihatlah, seorang perawan akan mengandung dan melahirkan anak lelaki, dan orang akan memanggil nama-Nya Imanuel’ (yang diterjemahkan sebagai Tuhan bersama dengan kita)”—Mat. 1:23:**

- A. Yesus ialah nama Raja-Penyelamat yang diberikan Tuhan, manakala Imanuel ialah nama Raja-Penyelamat yang dipanggil orang—ay. 23.
- B. Matius ialah buku tentang Imanuel—Tuhan berinkarnasi untuk bersama dengan kita—ay. 21-23.
- C. Imanuel adalah almuhit—Flp. 1:19:
1. Mula-mula Dia ialah Penyelamat kita (Luk. 2:11), kemudian Penebus kita (Yoh. 1:29; Roma 3:24), seterusnya Pemberi-hayat (1 Kor. 15:45b), dan kemudian Roh almuhit yang huni secara dalaman (Yoh. 14:16-20; Roma 8:9-11).
 2. Sebenarnya, isi kandungan seluruh Wasiat Baru ialah Imanuel (Mat. 1:23; 18:20; 28:20; Wahi 21:3), dan semua percayawan dalam Kristus, sebagai anggota Kristus, ialah sebahagian daripada Imanuel agung ini, iaitu Kristus korporat (1 Kor. 12:12; Kol. 3:10-11).
- D. Imanuel praktikal ialah Roh realiti sebagai hadirat Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dalam roh kita; hadirat-Nya sentiasa bersama dengan kita dalam roh kita, bukan hanya hari demi hari, malah saat demi saat—Yoh. 1:14; 14:16-20; 1 Kor. 15:45b; 2 Tim. 4:22:
1. Dia bersama dengan kita dalam perhimpunan kita—Mat. 18:20.
 2. Dia bersama dengan kita setiap hari—28:20.
 3. Dia bersama dengan kita dalam roh kita—2 Tim. 4:22:
 - a. Hari ini roh kita ialah tanah Imanuel—Yes. 8:7-8.
 - b. Oleh sebab Tuhan ada bersama dengan kita, musuh langsung tidak dapat mengambil alih tanah Imanuel—ay. 10; bd. 1 Yoh. 5:4; Yoh. 3:6.
 4. Kita dapat menikmati hadirat Tuhan Tritunggal dalam perhimpunan untuk mengajar Sabda kudus-Nya—Mat. 18:20; 28:20; Mzm. 119:30; Kis. 6:4.
 5. Kita menikmati kurnia dan damai sejahtera menerusi Roh itu sebagai hadirat Tuhan Tritunggal—Gal. 6:18; Kis. 9:31.
 6. Pimpinan dan kesaksian Roh itu ialah hadirat-Nya—Roma 8:14, 16.
 7. Kita menikmati pendispenan Tuhan Tritunggal menerusi hadirat-Nya sebagai Roh itu—2 Kor. 13:14.

- E. Untuk hidup bersama dengan Kristus yang merupakan Imanuel, kita perlu berada dalam hadirat divin-Nya, iaitu Roh beri-hayat yang merupakan konsumsi Tuhan Tritunggal—Gal. 5:25:
1. Untuk hidup bersama dengan Kristus, kita masih hidup, namun bukan melalui diri kita secara bersendirian tetapi melalui Kristus hidup dalam kita dan bersama dengan kita sebagai Imanuel; Tuhan Tritunggal tidak dapat menyempurnakan hasrat-Nya untuk mendispenkan diri-Nya ke dalam kita di luar kita; oleh itu, hadirat-Nya bersama dengan kita semestinya bersifat dalaman—2:20.
 2. Imanuel ialah hayat dan persona kita, dan kita ialah organ-Nya, hidup bersama dengan-Nya seperti satu orang; kemenangan kita bergantung pada Imanuel, iaitu hadirat Yesus.
 3. Jika kita mempunyai hadirat Tuan, kita mempunyai kearifan, pandangan dalaman, pandangan jauh, dan pengetahuan dalaman berkenaan hal-hal; hadirat Tuan ialah segala-gala kepada kita—2 Kor. 2:10; 4:6-7; Gal. 5:25; Kej. 5:22-24; Ibr. 11:5-6.
- F. Jika kita ingin memasuki, menduduki, dan menikmati Kristus almuhit sebagai realiti tanah permai, kita harus berbuat demikian melalui hadirat Tuan; Tuan berjanji kepada Musa, “Hadirat-Ku akan pergi bersama dengan engkau, dan Aku akan memberi engkau rehat” (Kel. 33:14); hadirat Tuhan ialah jalan-Nya, “peta” yang menunjukkan kepada umat-Nya jalan yang harus diambil mereka:
1. Untuk kita mendapatkan dan memperoleh Kristus dengan sepenuhnya sebagai tanah yang serba merangkumi demi pembinaan Tuhan, kita harus berpegang pada prinsip bahawa hadirat Tuhan ialah kriteria bagi setiap perkara; tidak kira apa yang kita lakukan, kita harus memberi perhatian kepada sama ada kita mempunyai hadirat Tuhan atau tidak; jika kita mempunyai hadirat Tuhan, kita mempunyai segala-galanya, tetapi jika kita kehilangan hadirat Tuhan, kita kehilangan segala-galanya—Mat. 1:23; 2 Tim. 4:22; Gal. 6:18; Mzm. 27:4, 8; 51:11.
 2. Hadirat Tuan, senyuman Tuan, ialah prinsip kawalan; kita harus belajar agar kita dipelihara, diperintah, dikawal, dan dibimbing oleh hadirat Tuan yang secara terus dan langsung—27:8; 80:3, 7, 17-19.
 3. Sebagai wakil dalam aspek meraja bagi hayat yang matang, Yusuf menikmati hadirat Tuan, dan seiring dengan itu, dia menikmati autoriti, kemakmuran, dan berkat Tuan—Kej. 39:2-5, 21; Kis. 7:9.
 4. Musa seorang yang amat dekat dengan hati Tuhan dan menurut hati Tuhan; oleh itu, dia mempunyai hadirat Tuhan ke tahap penuh—Kel. 33:11.
 5. Dutus Paulus ialah seorang yang hidup dan bertindak dalam hadirat Kristus, menurut petunjuk keseluruhan diri-Nya, seperti yang diekspresikan di mata-Nya—2 Kor. 2:10.
 6. “Pada zaman muda, saya telah diajar pelbagai cara untuk menjadi jayeng, menang, kudus, dan rohani. Namun begitu, tidak ada satu pun daripada cara ini yang berkesan...Tidak ada apa-apa yang berkesan melainkan hadirat Tuan. Dia bersama dengan kita merupakan segala-galanya”—*Life-study of Joshua*, edisi kedua, m.s. 50.
- G. Seluruh Wasiat Baru ialah Imanuel, dan kini kita sebahagian daripada Imanuel agung ini yang akan berkonsumsi dalam Yerusalem Baru di langit baru dan bumi baru hingga keabadian; Wasiat Baru bermula dengan satu Tuhan-manusia, yang merupakan “Tuhan bersama dengan kita”, dan berakhir dengan satu Tuhan-manusia yang agung, Yerusalem Baru, yang merupakan “Yehova Hadir Di Situ”—Mat. 1:23; 1 Kor. 6:17; Kis. 9:4; 1 Tim. 3:15-16; Wahi 21:3, 22; Yeh. 48:35.

Mesej Empat

Kristus Ialah Pusat Tuhan Tritunggal yang Terproses

Bacaan Bible: Mat. 28:19; 1 Kor. 15:45; 2 Kor. 3:17; 13:14

I. Wahi yang paling jelas tentang Trinitas Divin terdapat dalam Matius 28:19: “Oleh itu, pergi dan disipalkanlah semua bangsa, baptislah mereka ke dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus”:

A. *Ke dalam nama* merujuk kepada persona:

1. Dibaptis bererti dibaptis ke dalam nama serta persona Bapa dan Anak, dan Roh Kudus, ke dalam penyatuan organik dengan Tuhan Tritunggal yang terproses.
2. Perkataan *ke dalam* yang ada dalam 28:19 menunjukkan penyatuan, seperti dalam Roma 6:3, Galatia 3:27, dan 1 Korintus 12:13.
3. Membaptis orang ke dalam nama Tuhan Tritunggal bererti membaptis mereka ke dalam penyatuan yang rohani dan mistikal dengan-Nya.
4. Dalam Matius 28:19 Trinitas Divin mempunyai satu nama:
 - a. Nama ini ialah seluruh rangkuman gelaran Yang Divin itu, bersamaan dengan persona-Nya.
 - b. Membaptis percayawan ke dalam nama Tuhan Tritunggal ialah membenamkan mereka ke dalam segala apunya Tuhan Tritunggal.

B. Tuhan adalah tiga dalam satu—2 Kor. 13:14:

1. Dalam Matius 28:19, Tuan berbicara tentang tiga persona—Bapa, Anak, dan Roh Kudus.
2. Semasa Dia berbicara di sini tentang nama Bapa, Anak, dan Roh Kudus, perkataan *nama* ini berbentuk mufrad dalam teks asal.
3. Ini bermaksud bahawa Bapa, Anak, dan Roh adalah tiga, namun nama itu satu.
4. Satu nama untuk tiga persona sesungguhnya penuh misteri dan mewahikan bahawa Tuhan adalah tiga dalam satu.
5. Nama ini merangkumi ketiga-tiganya—Bapa, Anak, dan Roh Kudus.
6. Walaupun Tuhan adalah satu secara unik, namun terdapat tiga persona—Bapa, Anak, dan Roh.

II. Sebagai percayawan dalam Kristus, kita telah dibaptis ke dalam Tuhan Tritunggal yang terproses:

- A. Perintah yang disampaikan dalam Matius 28:19 diberikan oleh Tuan Yesus selepas Dia masuk ke dalam kebangkitan, yang merupakan konsumasi bagi proses Tuhan Tritunggal.
- B. Tuhan Tritunggal telah melalui proses yang bermula dengan inkarnasi, termasuk kehidupan insani dan penyaliban, dan berkonsumasi dengan kebangkitan.
- C. Dalam kebangkitan, Kristus, yakni perjasadan Tuhan Tritunggal, telah menjadi Roh beri-hayat—1 Kor. 15:45; 2 Kor. 3:17.
- D. Roh ini ialah konsumasi Tuhan Tritunggal untuk percayawan dibaptis ke dalam Trinitas Divin.
- E. Dibaptis ke dalam persona Tuhan Tritunggal bererti dibaptis ke dalam Roh al-muhit yang terkonsumsi, yang merupakan konsumasi muktamad bagi Tuhan Tritunggal yang terproses:
 1. Inilah maksud dibaptis ke dalam kekayaan Bapa, ke dalam kekayaan Anak, dan ke dalam kekayaan Roh.
 2. Sebagai orang yang dibaptis, kita kini berada dalam penyatuan organik dengan Tuhan Tritunggal; oleh itu, segala apa yang dimiliki Bapa, segala apa yang dimiliki Anak, dan segala apa yang diterima Roh telah menjadi milik kita.

- F. Dibaptis ke dalam nama Tuhan Tritunggal bererti diletakkan ke dalam penyatuan mistikal dengan-Nya dan memanfaatkan segala apanya Tuhan ke dalam diri kita.

III. Kristus ialah pusat Tuhan Tritunggal yang terproses—2 Kor. 13:14:

- A. *Terproses* merujuk kepada langkah-langkah penting yang dilalui Tuhan Tritunggal:
1. Sebelum Tuhan berinkarnasi, Dia belum terproses, yakni Dia mempunyai sifat divin tetapi tidak mempunyai sifat insani; namun menerusi inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan ke syurga, Tuhan Tritunggal telah terproses dan terkonsumasi.
 2. Dalam buku Wahi, Tuhan Tritunggal ialah Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi dengan mempunyai kedivinan, keinsanan, kehidupan insani, kematian yang serba merangkumi, kebangkitan yang penuh kudrat, dan kenaikan ke syurga yang melangkaui—1:4-5.
- B. Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi ialah Roh itu—22:17a; Yoh. 7:39:
1. Roh itu ialah totaliti, agregat, bagi semua elemen yang terkandung dalam gelaran-gelaran Roh Tuhan—Mat. 3:16; 10:20; Luk. 1:35; 4:18; Roma 8:9; Gal. 4:6.
 2. Sebagai konsumsi Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi, Roh itu ialah berkat ekonomi Wasiat Baru Tuhan—3:14.
- C. Tuhan Tritunggal dalam buku Wahi ialah Tuhan yang membina dan Tuhan yang dibina—21:18-19a, 21:
1. Bible berkonsumasi dalam Yerusalem Baru, dan Yerusalem Baru ialah Tuhan yang ada pada mulanya—Kej. 1:1; Wahi 21:10:
 - a. Tuhan yang esa akhirnya diperbesar dan diperluas menjadi kota untuk ekspresi abadi-Nya.
 - b. Dalam ekonomi Tuhan, Dia telah menjadi Yerusalem Baru—ay. 10.
 - c. Dalam Yerusalem Baru, Tuhan Tritunggal telah digarapkan ke dalam umat-Nya yang dipilih dan ditebus—ay. 18-19a, 21a.
 2. Tuhan yang menjadi Yerusalem Baru ialah Tuhan yang membina dan Tuhan yang dibina—2 Sam. 7:12, 14a; Mat. 16:18; Ef. 3:17:
 - a. Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi sebagai sumber, elemen, dan esens sedang membina gereja dengan membina diri-Nya ke dalam diri kita—ay. 17.
 - b. Tuhan sedang menggenapkan hasrat-Nya untuk membina diri-Nya dalam Kristus ke dalam diri kita dan membina kita ke dalam diri-Nya; akhirnya, hasil pembinaan ini ialah Yerusalem Baru—Wahi 21:2, 10.
- D. Dalam buku Wahi, kita mempunyai wahi yang konsumsi berkenaan Trinitas Divin untuk pendispenan divin—22:1-2; 7:17a; 21:6b; Yoh. 4:14b:
1. Pendispenan divin ialah penyaluran diri Tuhan ke dalam umat yang dipilih dan ditebus-Nya untuk menjadi hayat, bekalan hayat, dan segala-gala bagi mereka—2 Kor. 13:14.
 2. Dalam pendispenan divin, Bapa ialah sumber air, Anak ialah mata air, dan Roh ialah aliran.

Kristus Ialah Dia yang Memberi Kita Rehat

Bacaan Bible: Kej. 1:26, 31—2:2; Mat. 11:28-30; Kel. 31:12-17

- I. “Datanglah kepada-Ku, semua yang berjerih dan berbeban berat; Aku akan memberi kamu rehat. Pikullah kuk Aku padamu dan belajarliah daripada-Ku, kerana Aku lembut-halus dan rendah hati, maka kamu akan beroleh rehat untuk suknamu. Kerana kuk Aku mudah dan beban-Ku ringan”—Mat. 11:28-30:**
- A. Berjerih di sini bukan sahaja merujuk kepada jerih dalam usaha mematuhi perintah-perintah hukum dan regulasi keagamaan, tetapi juga kepada jerih dalam pergelutan ingin berjaya dalam apa jua kerja; sesiapa yang berjerih sedemikian selalu berbeban berat.
 - B. Selepas Tuan menyanjung puji Bapa, mengakui jalan Bapa dan mengisytiharkan ekonomi divin (ay. 25-27), Dia memanggil orang sedemikian agar datang kepada-Nya untuk beroleh rehat.
 - C. Rehat bukan sahaja menunjukkan dibebaskan daripada jerih dan beban di bawah hukum atau agama atau sebarang kerja atau tanggungjawab, tetapi juga menunjukkan damai sejahtera yang sempurna dan kepuasan yang penuh.
 - D. Memikul kuk Tuan bererti menerima kehendak Bapa; ini bukan diatur atau dikawal oleh sebarang kewajipan hukum atau agama, atau diperabdikan oleh sebarang kerja, tetapi didesak oleh kehendak Bapa.
 - E. Tuan menjalani kehidupan sedemikian, Dia tidak mengambil berat tentang apa jua kecuali kehendak Bapa-Nya (Yoh. 4:34; 5:30; 6:38); Dia tunduk sepenuhnya kepada kehendak Bapa (Mat. 26:39, 42); oleh itu, Dia meminta kita agar belajar daripada-Nya:
 - 1. Percayawan menyalin Tuan dalam roh mereka dengan memikul kuk-Nya—kehendak Tuhan—dan berjerih untuk ekonomi Tuhan menurut model-Nya—11:29a; 1 Ptr. 2:21.
 - 2. Tuan yang tunduk dan patuh kepada Bapa sepanjang hidup-Nya, telah memberi hayat-Nya yang tunduk dan patuh itu kepada kita—Flp. 2:5-11; Ibr. 5:7-9.
 - 3. Kristus ialah Tuhan-manusia pertama, dan kita ialah Tuhan-manusia yang banyak; kita harus belajar daripada-Nya dalam hal Dia tunduk sepenuhnya kepada Tuhan dan sama sekali mengambil Tuhan sebagai kepuasan-Nya.
 - 4. Tuhan sedang melakukan apa yang diperkenan di mata-Nya dalam kita menerusi Yesus Kristus agar kita dapat melakukan kehendak-Nya (13:20-21); Tuhan beroperasi dalam kita supaya kita berazam dan bekerja untuk kegirangan-Nya (Flp. 2:13).
 - F. Lembut-halus atau lemah lembut bermakna tidak melawan sebarang penentangan, dan rendah hati bermakna tidak memandang tinggi terhadap diri sendiri; dalam semua penentangan, Tuan adalah lembut-halus, dan dalam semua penolakan, Dia adalah rendah hati.
 - G. Dia tunduk sepenuhnya kepada kehendak Bapa-Nya, tidak ingin melakukan apa-apa untuk diri-Nya atau berharap untuk mendapatkan sesuatu untuk diri-Nya; oleh itu, tidak kira apa jua situasi, Dia mempunyai rehat dalam hati-Nya; Dia berpuas hati sepenuhnya dengan kehendak Bapa.
 - H. Rehat yang kita peroleh dengan memikul kuk Tuan dan belajar daripada-Nya adalah untuk sukma kita; ini merupakan rehat dalaman, bukan apa-apa yang bersifat luaran.
 - I. Kita belajar daripada Tuan menurut contoh-Nya, bukan melalui hayat alamiah kita tetapi melalui Dia yang merupakan hayat kita dalam kebangkitan—Ef. 4:20-21; 1 Ptr. 2:21.

- J. Kuk Tuan ialah kehendak Bapa dan beban-Nya ialah kerja untuk melaksanakan kehendak Bapa; kuk sedemikian adalah mudah, tidak pahit, dan beban sedemikian adalah ringan, tidak berat.
- K. Perkataan Yunani untuk *mudah* bermakna “sesuai untuk digunakan”; oleh itu, baik, ihsan, lemah lembut, sederhana, mudah, menyenangkan—berlawanan dengan keras, kasar, tajam, pahit.
- L. Jika kita memikul kuk Tuan (kehendak Bapa) pada kita dan belajar daripada-Nya, kita akan beroleh rehat untuk sukma kita; kuk ekonomi Tuhan adalah sebegini; segala-gala dalam ekonomi Tuhan bukan beban yang berat tetapi suatu kenikmatan.

II. Dalam Keluaran 31:12-17, selepas catatan yang panjang berkenaan pembinaan tempat huni Tuhan, terdapat ulangan perintah tentang mematuhi hari Sabat; menurut Kolose 2:16-17, Kristus ialah realiti rehat Sabat; Dialah kesempurnaan, rehat, ketenangan, dan kepuasan penuh—Ibr. 4:7-9; Yes. 30:15a:

- A. Kata-kata berkenaan hari Sabat diselitkan selepas perintah untuk kerja pembinaan tabernakal; ini menunjukkan bahawa Tuan memberitahu para pembina, yakni pekerja-pekerja, agar belajar bagaimana berehat bersama dengan-Nya semasa mereka bekerja untuk Dia.
- B. Jika kita hanya tahu bagaimana bekerja untuk Tuan tetapi tidak tahu bagaimana berehat bersama dengan-Nya, kita telah melanggar prinsip divin:
 - 1. Tuhan berehat pada hari ketujuh kerana Dia telah menyelesaikan kerja-Nya dan dipuaskan; kemuliaan Tuhan dimanifestasikan kerana manusia mempunyai imej-Nya, dan autoriti-Nya sudah hendak dilaksanakan untuk menundukkan musuh-Nya, Syaitan; selagi manusia mengekspresikan Tuhan dan menanggulangi musuh Tuhan, Tuhan akan dipuaskan dan dapat berehat—Kej. 1:26, 31—2:2.
 - 2. Kemudian, hari ketujuh diperingati sebagai hari Sabat (Kel. 20:8-11); hari ketujuh Tuhan ialah hari pertama manusia.
 - 3. Tuhan telah menyediakan segala-galanya untuk dinikmati manusia; setelah manusia dicipta, dia tidak menyertai kerja Tuhan; dia memasuki rehat Tuhan.
 - 4. Manusia dicipta bukan untuk bekerja, tetapi untuk dipuaskan dengan Tuhan dan berehat bersama dengan Tuhan (bd. Mat. 11:28-30); hari Sabat wujud untuk manusia, bukannya manusia untuk hari Sabat (Mrk. 2:27).
- C. Keluaran 31:17 berkata, “Dalam enam hari Yehova menjadikan langit dan bumi, dan pada hari ketujuh Dia berehat dan disegarkan semula”:
 - 1. Hari Sabat bukan sahaja rehat kepada Tuhan malah penyegaran bagi-Nya.
 - 2. Tuhan berehat selepas kerja penciptaan-Nya selesai; Dia memandang hasil kerja tangan-Nya, yakni syurga-syurga, bumi, dan benda-benda hidup, terutamanya manusia, lalu berkata, “Sangat baik”—Kej. 1:31.
 - 3. Tuhan disegarkan dengan adanya manusia; Tuhan mencipta manusia menurut imej-Nya dengan mempunyai roh supaya manusia dapat bersekutu dengan-Nya; oleh itu, manusia ialah penyegaran Tuhan—ay. 26; 2:7; bd. Yoh. 4:31-34.
 - 4. Sebelum Tuhan mencipta manusia, Dia adalah “bujang” (bd. Kej. 2:18, 22); Dia menginginkan manusia menerima-Nya, mengasihi-Nya, dipenuhi-Nya, dan mengekspresikan-Nya agar menjadi isteri-Nya (2 Kor. 11:2; Ef. 5:25); dalam keabadian akan datang, Tuhan akan ada isteri, iaitu Yerusalem Baru, yang digelar sebagai isteri Anak Domba (Wahi 21:9-10).
 - 5. Manusia bagaikan minuman yang menyegarkan untuk menghilangkan dahaga Tuhan serta memuaskannya; apabila Tuhan menamatkan kerja-Nya dan mula berehat, Dia ada manusia sebagai teman-Nya.
 - 6. Bagi Tuhan, hari ketujuh ialah hari rehat dan penyegaran; akan tetapi, bagi manusia, yakni teman Tuhan, hari rehat dan penyegaran ialah hari pertama; hari pertama manusia ialah hari kenikmatan.

- D. Tuhan tidak akan menuntut kita bekerja melainkan kita telah beroleh kenikmatan; inilah prinsip divin; selepas beroleh kenikmatan penuh bersama dengan-Nya dan terhadap-Nya, barulah kita dapat bekerja bersama dengan-Nya:
1. Jika kita tidak tahu bagaimana mempunyai kenikmatan bersama dengan Tuhan, bagaimana menikmati Tuhan sendiri, dan bagaimana dipenuhi Tuhan, kita tidak akan tahu bagaimana bekerja bersama dengan-Nya dan bersatu dengan-Nya dalam kerja divin-Nya; manusia menikmati apa yang telah disempurnakan Tuhan dalam kerja-Nya.
 2. Pada hari Pentakosta, para disipal dipenuhi Roh itu, ini bermakna bahawa mereka dipenuhi kenikmatan terhadap Tuan; oleh sebab mereka dipenuhi Roh itu, orang lain menyangka bahawa mereka mabuk dengan wain—Kis. 2:4a, 12-13.
 3. Sebenarnya, mereka dipenuhi kenikmatan terhadap wain syurgawi; hanya selepas mereka dipenuhi kenikmatan ini barulah mereka mula bekerja bersama dengan Tuhan dalam kesatuan dengan-Nya; Pentakosta ialah hari pertama minggu kelapan; oleh itu, berkenaan hari Pentakosta, kita melihat prinsip hari pertama.
 4. Bagi Tuhan, ini berkenaan bekerja dan berehat; bagi manusia, ini berkenaan berehat dan bekerja.
- E. Semasa melakukan kerja divin Tuhan untuk membina gereja, yang ditamsilkan oleh kerja membina tabernakal, kita harus mempunyai satu tanda yang menunjukkan bahawa kita ialah umat Tuhan dan kita memerlukan Dia; kemudian barulah kita dapat bekerja bukan sahaja untuk Tuhan, tetapi juga bersama-sama Tuhan dengan bersatu dengan Tuhan; Dia akan menjadi kekuatan kita untuk bekerja dan tenaga kita untuk berjehit:
1. Kita ialah umat Tuhan, dan kita harus mempunyai satu tanda yang menunjukkan bahawa kita memerlukan Dia menjadi kenikmatan, kekuatan, tenaga, dan segala-gala bagi kita supaya kita dapat bekerja untuk-Nya demi menghormati dan memuliakan-Nya.
 2. Hari Sabat bermakna: Sebelum kita bekerja untuk Tuhan, kita perlu menikmati Tuhan dan dipenuhi-Nya; Petrus memberitakan injil melalui pemenuhan secara dalaman oleh Tuhan, yakni pemenuhan secara dalaman oleh Roh itu; oleh itu, Petrus mempunyai satu tanda yang menunjukkan bahawa dia rakan sekerja Tuhan, dan pemberitaan injilnya ialah suatu penghormatan dan kemuliaan kepada Tuhan—ay. 14.
 3. Sebagai umat Tuhan, kita harus mempunyai satu tanda bahawa kita berehat bersama dengan Tuhan, menikmati Tuhan, dan dipenuhi Tuhan terlebih dahulu, kemudian barulah kita bekerja bersama dengan Dia yang memenuhi kita; selain itu, kita bukan sahaja bekerja bersama dengan Tuhan, tetapi kita juga bekerja sebagai orang yang bersatu dengan Tuhan.
 4. Semasa kita berbicara kepada umat Tuhan, kita harus sentiasa membawa satu tanda bahawa Tuan kita ialah kekuatan, tenaga, dan segala-gala bagi kita untuk meministerkan sabda—2 Kor. 13:3; Kis. 6:4.
- F. Mematuhi hari Sabat juga merupakan perjanjian atau waadah abadi yang memberi jaminan kepada Tuhan bahawa kita akan bersatu dengan-Nya dengan menikmati-Nya dan dipenuhi-Nya terlebih dahulu, kemudian barulah kita bekerja untuk-Nya, bersama dengan-Nya, dan dalam kesatuan dengan-Nya—Kel. 31:16:
1. Bekerja untuk Tuan melalui diri kita tanpa menerima-Nya dan menikmati-Nya dengan minum dan makan Dia ialah suatu perkara yang serius—bd. 1 Kor. 12:13; Yoh. 6:57.
 2. Semasa Petrus berbicara pada hari Pentakosta, dia berbahagian dalam Yesus secara dalaman, minum dan makan-Nya.
- G. Hari Sabat juga merupakan hal pengudusan (Kel. 31:13); apabila kita menikmati Tuan lalu bekerja bersama dengan-Nya, untuk-Nya, dan bekerja dengan bersatu

dengan-Nya, secara spontan kita dikuduskan, diasingkan kepada Tuhan daripada segala-gala yang umum serta ditepui Tuhan agar Tuhan menggantikan segala-gala yang bersifat daging dan alamiah.

- H. Dalam kehidupan gereja, kita mungkin melakukan banyak perkara tanpa menikmati Tuan terlebih dahulu, dan melayan Tuan tanpa bersatu dengan-Nya; pelayanan sedemikian mengakibatkan kematian rohani dan kehilangan persekutuan dalam Tubuh (ay. 14-15).
- I. Segala-gala yang berkaitan dengan tempat huni Tuhan membawa kita kepada satu perkara—hari Sabat Tuan berserta rehat dan penyegarannya; dalam kehidupan gereja kita berada dalam tabernakal, dan tabernakal membawa kita kepada rehat, kepada kenikmatan terhadap apa yang ditetapkan Tuhan dan apa yang disempurnakan-Nya!
- J. Kerja membina tabernakal dan semua perabotnya (mentamsilkan kerja Tuan membina gereja) harus bermula dengan kenikmatan terhadap Tuhan dan berte-rusan dengan adanya waktu-waktu tertentu untuk disegarkan dengan menikmati Tuhan; ini menunjukkan bahawa kita tidak bekerja untuk Tuhan dengan kekuatan kita sendiri, tetapi dengan menikmati-Nya dan bersatu dengan-Nya; inilah maksud mematuhi prinsip hari Sabat dengan mengambil Kristus sebagai rehat dalaman dalam roh kita.

**Kristus ialah Dia yang Mempunyai Segala Autoriti
di Syurga dan di Bumi**

Bacaan Bible: Mat. 7:29; 21:24; Luk. 5:24; Roma 9:21-22; Ibr. 13:17

I. Kita perlu ada definisi bagi *autoriti* (*kuasa*)—Mat. 7:29:

- A. Definisi terbaik bagi *autoriti* ialah “kuasa atau hak untuk memberi arahan, membuat keputusan, dan menuntut kepatuhan, yang selalunya berasal daripada kedudukan yang berkuasa atau kepakaran”.
- B. Dalam Bible, *autoriti* ialah “hak moral untuk menggunakan kuasa, yang secara muktamadnya datang daripada Tuhan dan berasal daripada Tuhan”.

II. Tuhan ialah autoriti tertinggi; Dia memiliki segala autoriti—Roma 9:21-22:

- A. Autoriti Tuhan mewakili Tuhan sendiri; kudrat Tuhan hanya mewakili kerja-kerja Tuhan—Mat. 21:24; Luk. 5:24.
- B. Autoriti Tuhan sebenarnya ialah Tuhan sendiri; autoriti terhasil daripada diri Tuhan sendiri—Wahi 22:1.
- C. Segala autoriti—dari segi rohani, kedudukan, dan pemerintahan—datang daripada Tuhan—2 Kor. 10:8; 13:10; Yoh. 19:10-11; Kej. 9:6.
- D. Apabila kita menyentuh autoriti Tuhan, kita menyentuh Tuhan sendiri—Yes. 6:1-5:
 - 1. Bertemu dengan autoriti Tuhan adalah sama dengan bertemu dengan Tuhan—Amos 4:12.
 - 2. Bersalah terhadap autoriti Tuhan sama dengan bersalah terhadap Tuhan sendiri.
- E. Dalam hubungan kita dengan Tuhan, tidak ada apa-apa yang lebih penting daripada menyentuh autoriti—Kis. 9:5; Mat. 11:25.
- F. Mengenali autoriti merupakan suatu pewahian dalaman dan bukannya ajaran luaran—Kis. 22:6-16.
- G. Hanya Tuhan ialah autoriti langsung kepada manusia; semua autoriti yang lain ialah autoriti yang tidak langsung—wakil kuasa, pemangku kuasa, yang dilantik oleh Tuhan—Dan. 4:32, 34-37:
 - 1. Hanya apabila kita bertemu dengan autoriti Tuhan, barulah kita akan tunduk kepada wakil kuasa yang dilantik oleh Tuhan—Mat. 28:18; Ibr. 13:17; 1 Ptr. 5:5.
 - 2. Tuhan menuntut kita agar bukan sahaja tunduk kepada-Nya, malah tunduk kepada semua wakil kuasa—Roma 13:1-7; 2 Kor. 10:8; 13:10; Ibr. 13:17.
 - 3. Orang yang tidak tunduk kepada autoriti Tuhan yang tidak langsung, tidak dapat tunduk kepada autoriti langsung Tuhan.
 - 4. Tuhan menghendaki kita tunduk kepada autoriti tidak langsung—wakil kuasa—supaya kita dapat menerima bekalan rohani.
- H. Kita semua harus bertemu dengan autoriti, dihadkan oleh Tuhan, dan dipimpin oleh wakil kuasa-Nya—Yes. 37:16; Flp. 2:12; Ibr. 13:17.

III. Dalam alam semesta terdapat dua prinsip besar—autoriti Tuhan dan pemberontakan Syaitan; satu-satunya kontroversi antara Tuhan dengan Syaitan adalah berkenaan autoriti—Kis. 26:18; Kol. 1:13:

- A. Pemberontakan bererti menyangkal autoriti Tuhan dan menolak pemerintahan Tuhan:
 - 1. Pada asalnya, Syaitan ialah ketua malaikat yang dicipta Tuhan, namun disebabkan kesombongannya, dia meninggikan dirinya, melanggar ketentuan Tuhan, memberontak terhadap Tuhan, menjadi seteru Tuhan, dan menubuhkan kingdom sendiri—Yes. 14:12-14; Yeh. 28:2-19; Mat. 12:26.
 - 2. Apabila manusia berbuat dosa, dia memberontak terhadap Tuhan, menyangkal

autoriti Tuhan, dan menolak pemerintahan Tuhan; di Babel, manusia memberontak terhadap Tuhan secara kolektif untuk memansuhkan autoriti Tuhan dari bumi—Kej. 3:1-6; 11:1-9.

- B. Walaupun Syaitan memberontak terhadap autoriti Tuhan dan walaupun manusia melanggar autoriti Tuhan dengan memberontak terhadap-Nya, namun Tuhan tidak akan membenarkan pemberontakan ini diteruskan; Dia akan menubuhkan kingdom-Nya di bumi—Wahi 11:15.
- C. Pertikaian dalam alam semesta berpusat pada siapa yang mempunyai autoriti—4:2-3:
 - 1. Kita perlu melawan Syaitan dengan menegaskan bahawa autoriti adalah kepunyaan Tuhan—Kis. 17:24, 30.
 - 2. Kita harus menetapkan diri untuk tunduk kepada autoriti Tuhan dan menegakkan autoriti Tuhan—Mat. 11:25.
- D. Dosa pemberontakan adalah lebih serius daripada mana-mana dosa lain—1 Sam. 15:23.

IV. Seseorang yang mewakili Tuhan dengan autoriti (pemangku kuasa) harus mempunyai kelayakan berikut:

- A. Dia harus tunduk kepada autoriti—Mat. 8:8-9.
- B. Dia harus menyedari bahawa dalam dirinya sendiri, dia tidak ada autoriti—28:18; 2 Kor. 10:8; 13:10.
- C. Dia harus mengenali kehendak Tuhan—Ef. 1:9; 5:17.
- D. Dia haruslah seorang yang menyangkal diri—Mat. 16:24.
- E. Dia harus bersatu dengan Tuan dan hidup dalam persekutuan yang tidak putus-putus dan intim dengan Tuan—1 Kor. 6:17; 1:9; 1 Yoh. 1:3.
- F. Dia tidak harus bersikap subjektif dan tidak harus bertindak menurut perasaannya sendiri—2 Kor. 3:5.
- G. Dia harus bersikap baik hati dan penuh kurnia semasa memperlakukan orang lain—Luk. 6:35; bd. Roma 5:15-16; 1 Kor. 2:12.
- H. Dia haruslah seorang yang berada dalam kebangkitan, hidup dalam hayat kebangkitan Kristus—2 Kor. 1:9; 4:14.
- I. Dia harus merendahkan diri di hadapan Tuhan—Bil. 14:5; 16:3-4, 22, 45; Mat. 11:29; Roma 12:16; Luk. 14:7-11; 1 Ptr. 5:5-6.
- J. Dia harus berupaya menanggung kesalahan—Kel. 16:7; Bil. 14:2, 5, 9, 27; Mat. 6:14-15; 1 Kor. 4:6-13.
- K. Dia harus sedar bahawa dia adalah tidak berupaya dan tidak sesuai—Kel. 3:11; 4:6-7, 10; 2 Kor. 3:5; 1 Kor. 15:10.
- L. Dia harus merupakan seorang yang mewakili Tuhan dengan wajar—Bil. 20:2-13; 2 Kor. 5:18, 20; Ef. 6:20.

V. Doa yang paling penting dan doa yang paling rohani ialah doa yang berautoriti—Mat. 18:18; Mrk. 11:20-24:

- A. Doa yang berautoriti ialah perintah yang berasaskan autoriti—Yes. 45:11; Mrk. 11:20-24:
 - 1. Doa yang berautoriti ialah doa yang memberikan perintah—Yes. 45:11.
 - 2. Jika kita ingin mempunyai doa yang berisi dan bernilai di hadapan Tuhan, kita perlu berupaya memberikan perintah dengan penuh autoriti di hadapan Tuhan—Mrk. 11:23.
- B. Doa yang berautoriti mempunyai dua aspek—mengikat dan melepaskan—Mat. 18:18:
 - 1. Doa permohonan yang biasa ialah doa yang memohon Tuhan untuk mengikat dan melepaskan.
 - 2. Doa yang berautoriti bererti kita menggunakan autoriti untuk mengikat dan melepaskan.

- C. Doa yang berautoriti merupakan doa yang diungkapkan dalam Markus 11:20-24—doa yang bukan ditujukan kepada Tuhan tetapi kepada “gunung ini”—ay. 23:
1. Doa yang berautoriti bukan meminta Tuhan melakukan sesuatu, tetapi menggunakan autoriti Tuhan dan mengaplikasikan autoriti ini untuk menanggulangi masalah dan perkara yang harus disingkirkan—ay. 23.
 2. Doa yang berautoriti bukan memohon kepada Tuhan secara langsung, tetapi mengaplikasikan autoriti Tuhan secara langsung untuk menanggulangi masalah—Kel. 14:15-27.
 3. Kerja pejayeng yang paling penting ialah membawa autoriti di takhta ke bumi; jika kita ingin menjadi pejayeng, kita harus belajar berdoa dengan autoriti dengan berkata kepada gunung—Wahi 11:15; 12:10.
- D. Apabila gereja berdoa dengan menggunakan autoriti, gereja memerintah Hades—Mat. 16:18:
1. Gereja mempunyai autoriti untuk memerintah segala-gala yang dimiliki Syaitan.
 2. Gereja harus menundukkan segala aktiviti roh jahat melalui doa dan harus melaksanakan dominion menerusi doa—Luk. 10:17-19; Mat. 18:18.
- E. Jika kita ingin mengungkapkan doa yang berautoriti, kita sendiri harus tunduk kepada autoriti Tuhan terlebih dahulu; melainkan kita tunduk kepada autoriti Tuhan dari aspek kedudukan-Nya dan tunduk kepada autoriti-Nya dalam kehidupan harian kita serta dalam segala hal praktikal, kita tidak dapat berdoa dengan autoriti—Yes. 45:11; 1 Ptr. 5:6; Wahi 22:1.
- F. Doa yang berautoriti menjadikan syurga sebagai titik permulaan, dan menjadikan bumi sebagai titik sasaran—Kid. 4:8; 6:10; Ef. 1:22-23; 2:6; 6:18:
1. Doa yang berautoriti diungkapkan dari syurga ke bumi; doa yang berautoriti bermula dari kedudukan kesyurgaan dan menghala ke bawah dari syurga ke bumi—2:6.
 2. Berdoa menghala ke bawah bererti berdiri di kedudukan yang diberikan Kristus kepada kita dalam kesyurgaan, memerintahkan Syaitan dengan autoriti serta menolak segala kerjanya, dan mengisytiharkan dengan autoriti bahawa segala perintah Tuhan harus disempurnakan—Mat. 6:9-10.
- G. Kedudukan doa ialah kenaikan ke syurga, dan autoriti doa juga ialah kenaikan ke syurga; semua doa dalam kenaikan ke syurga ialah doa yang berautoriti—Ef. 2:6; 1:22-23:
1. Doa yang berautoriti ialah doa yang diujarkan seorang yang berupaya mengeluarkan perintah dengan berdiri di kedudukan kenaikan ke syurga—Yes. 45:11.
 2. Jika kita berada dalam kedudukan kenaikan ke syurga, doa kita akan bersamaan dengan pentadbiran Tuhan; doa ini merupakan pelaksanaan perintah-Nya—Wahi 8:3-5.
- H. Apabila kita mencapai tahap mempunyai kedudukan syurgawi dan autoriti syurgawi dan dengan itu berupaya mengungkapkan doa yang berautoriti, kita berada di atas takhta, meraja bersama dengan Tuan—Ef. 2:5-6; Wahi 3:21; bd. Yeh. 1:26:
1. Pada masa ini, doa kita bukan sahaja doa yang berautoriti malah juga doa yang meraja, dan doa kita menjadi pentadbiran Tuhan, pelaksanaan pemerintahan Tuhan—Roma 5:17, 21; Mat. 18:18; Wahi 8:3-5.
 2. Jika kita rela belajar, kita akan mencapai suatu tahap kita dapat mengungkapkan doa sedemikian demi penggenapan tujuan abadi Tuhan—Ef. 1:10-11; 3:9-11.